

Kesukaran penyediaan infrastruktur sokongan untuk penduduk

Tangani segera isu pembangunan berlebihan

AZLAN ZAMBRY

PEMBANGUNAN berlebihan di Kuala Lumpur merupakan satu isu yang perlu ditangani segera memandangkan ia berkait rapat dengan penyediaan infrastruktur sokongan dalam menampung pertumbuhan penduduk yang semakin meningkat.

Ahli Parlimen Wangsa Maju, **Zahir Hassan** berkata kerajaan perlu mencari kaedah dalam menyelesaikan isu berkenaan memandangkan rancangan pembangunan yang telah diluluskan sebelum ini dilihat mengabaikan masalah tersebut.



ZAHIR

“Untuk Parlimen Wangsa Maju, pada tahun ini sahaja ada tiga buah pembangunan yang akan siap dan kunci akan diserahkan kepada pemilik melibatkan kira-kira 3,360 unit yang berkemungkinan akan berpindah ke kawasan itu.

“Contohnya jika kita sudah siap 3,360 unit rumah, mereka yang akan berpindah ke sini adalah dari keluarga yang muda yang mempunyai anak kecil yang



PEMBANGUNAN perumahan bertingkat yang berlebihan berisiko mengancam kesejahteraan rakyat.

bersekolah rendah. Setiap unit di tiga pembangunan ini hanya ada satu keluarga serta mempunyai seorang anak bersekolah rendah, bermakna kita memerlukan penempatan 3,000 murid sekolah berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Semarak Aidilfitri Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB) pada Selasa.

Jelas Zahir, disebabkan infrastruktur sokongan itu tidak wujud dari awal, mereka terpaksa menghantar anak ke luar kawasan rumah dan berkemungkinan jaraknya agak

jauh dari penempatan mereka dan melibatkan kos tambahan kepada penduduk.

“Ini bermaksud, mereka yang akan tinggal di unit masing-masing pasti memerlukan infrastruktur baharu tidak sekadar sekolah, bahkan klinik kesihatan yang perlu diwujudkan bagi menampung

pertambahan penduduk di kawasan berkenaan,” katanya.

Zahir berkata beliau telah mencadangkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur supaya Ahli Parlimen perlu dimaklumkan terlebih dahulu sebelum memberikan kelulusan untuk perintah pembangunan (*Development Order*).

“Kita telah kemukakan perkara itu dalam mesyuarat dengan Datuk Bandar dan pihaknya akan mempertimbangkan cadangan itu jika ia tidak melanggar apa-apa peraturan dan undang-undang,” katanya.

Tambah Zahir, untuk melibatkan Ahli Parlimen dalam perbincangan kelulusan itu tidak perlu cuma saya minta ia perlu dimaklumkan kepada Ahli Parlimen sebelum diluluskan.

“Ia bertujuan supaya Ahli Parlimen tahu dalam kawasan perkhidmatan mereka ada permohonan DO, jadi mereka boleh memberikan input. Jika ia sudahpun diluluskan, dan baru Ahli Parlimen hendak memberikan pandangan, maka itu sudah lambat.

“Selain itu, cadangan yang diutarakan itu adalah supaya sebelum ia diluluskan, kita dapat diberi peluang untuk memberikan input,” katanya. 📍